

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

18 FEBRUARI 2021

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	SINDIKET BITCOIN CURI ELEKTRIK RM8.6J TUMPAS	2
HARIAN METRO	GEMPUR LOMBONG BITCOIN	3
THE STAR	BITCOIN MINING OPERATING SMASHED	4



BERITA HARIAN

*BERITA HARIAN
KHAMIS 18/2/2021. M.S 22.*

Nasional

Sindiket bitcoin curi elektrik RM8.6j tumpas

Pasir Gudang: Polis Johor menumpaskan kegiatan mencuri bekalan elektrik oleh sindiket perlombongan bitcoin dengan nilai kerugian dialami Tengnaga Nasional Berhad (TNB) mencecah RM8.6 juta.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata sindiket itu ditumpaskan dalam satu operasi bersama padu Jabatan Siasatan Jenayah Johor bersama Pasukan Seal TNB selama dua hari, Isnin lalu, di Johor Bahru, Pasir Gudang, Tangkak dan Muar.

Katanya dalam operasi itu, sebanyak 21 premis rumah kedai diserbu dan 1,746 mesin melombong bitcoin dirampas membabitkan nilai rampasan RM2.6 juta, iaitu rampasan terbesar di negeri ini setakat ini.

Di Johor Bahru, lima premis diserbu dengan rampasan 421 mesin bitcoin, manakala lapan premis sekitar Seri Alam di Pasir Gudang membabitkan 608 mesin bitcoin, enam premis di Tangkak dengan rampasan 553 mesin bitcoin dan dua premis di Muar membabitkan rampasan 132 mesin bitcoin.

"Hasil serbuan itu, tujuh lokasi tempatan berusia 24 hingga 64 tahun ditangkap di lokasi berasingan.

"Kami percaya sindiket yang bergerak aktif sejak awal tahun lalu berjaya ditumpaskan."

Setiap mesin melombong bitcoin memerlukan satu kuda untuk berfungsi 24

jam. Satu unit mesin bitcoin boleh dibeli pada harga RM200 hingga RM3,000 dalam talian," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Daerah Seri Alam di sini, semalam.

Ayob Khan berkata, kegiatan mengubah suai dan melakukan penyambungan secara haram pada pendaunan elektrik boleh menyebabkan kebakaran, kerosakan dan gangguan elektrik pada premis berdekatan.

Katanya, polis masih mengenal pasti saki baki anji kumpulan sindiket yang masih bebas.


"Kemungkinan sindiket ini turut mempunyai rangkaian dengan sindiket di negeri lain yang menjalankan modus operandi sama dalam aktiviti perlombongan bitcoin.

"Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 379/427 Kanun Kesejahteraan kerana mencuri dan melakukan khianat ke atas harta benda milik TNB.

"Manakala bagi pihak TNB, mereka mengambil tindakan di bawah Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990 ke atas premis akaun yang berdaftar dengan TNB.

"Kita juga akan lihat kesesuaian untuk ambil tindakan mereka di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA).

"Tujuh suspek direman bermula semalam (kelmarin) hingga esok (hari ini) di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah," katanya.



HARIAN METRO



AYOB Khan (tengah) menunjukkan hasil rampasan selepas sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, semalam.

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Pasir Gudang

Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontingen Johor menyerbu 21 rumah kedai di empat daerah di negeri ini pada Isnin lalu serta kelmarin dan merampas 1,746 mesin melombong bitcoin bernilai RM2.6 juta.

Ia juga rampasan mesin melombong bitcoin terbesar di negeri ini setakat ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, sindiket itu ditumpaskan dalam operasi bersepadu Jabatan Siasatan Jendary negeri bersama pasukan Seal TNB di Johor Bahru, Pasir Gudang, Tangkak dan Muar.

"Kami menyerbu lima premis di Johor Bahru Selatan dan merampas 421 mesin bitcoin. Serbuan terhadap lapan premis di Seri Alam membawa kepada rampasan 608 mesin bitcoin.

"Selain itu, kami menyerbu enam premis di Tangkak dan merampas 553 mesin bitcoin selain dua premis di Muar membatkan rampa-

Gempur lombong bitcoin

21 rumah kedai diserbu, rampsas 1,746 mesin bernilai RM2.6 juta

san 132 mesin bitcoin," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seri Alam di sini, semalam.

Menurut Ayob Khan, piakuhan turut menahan tujuh lelaki tempatan berusia 24 hingga 64 tahun seterusnya memupuskan sindiket terabit yang bergerak aktif sejak awal 2020.

"Suspek yang ditahan berperanan sebagai individu yang memastikan premis menempatkan mesin bitcoin berada dalam keadaan baik dan tidak terbakar," katanya.

Menurut Ayob Khan, kegiatan mengubah suai dan melakukan penyambungan secara haram pada pendaftaran elektrik ini boleh menyebabkan kebakaran, keroposan dan gangguan arus

elektrik pada premis berdekatan.

Beliau berkata, pihaknya masih mengenal pasti sakibaki ahli sindiket yang bebas.

"Ada kemungkinan sindiket mempunyai rangkaian dengan sindiket di negeri lain."

"Kes disiasat mengikut Seksyen 379/427 Kanun Kesekasaan kerana mencuri dan melakukan khanat ke atas harta benda milik TNB," katanya.


Manakala bagi pihak TNB, tindakan diamini mengikut Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Ayob Khan berkata, berdasarkan sumber TNB Johor, sepanjang 2020, TNB Johor kerugian RM90 juta akibat aktiviti mencuri arus elektrik bagi kegiatan melombong bitcoin.

"Seumur mesin bitcoin ini boleh dibeli pada harga RM200 hingga RM3,000 secara atas talian," katanya.

Menurut Ayob Khan, kegiatan mengubah suai dan melakukan penyambungan secara haram pada pendaftaran elektrik ini boleh menyebabkan kebakaran, keroposan dan gangguan arus

Menurut beliau, seba-



THE STAR

6 Nation

THE STAR, THURSDAY 18 FEBRUARY 2021

Bitcoin mining operation smashed

Syndicate suspected to have caused over RM8mil losses to TNB

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

PASIR GUDANG: A bitcoin mining operation suspected to have caused more than RM8mil losses to Tenaga Nasional Berhad (TNB) due to electricity theft has been smashed by the authorities.

An operation was carried out by the police and TNB in several locations in the state on Monday and Tuesday.

State police chief Comm Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay said 1,746 units of bitcoin mining machines worth RM2.6mil were seized from 21 premises in Johor Baru, Seri Alam, Tangkak and Muar.

Police arrested seven individuals, between the ages of 24 and 64 years, during the operation, he said at a press conference at the Seri Alam

police district headquarters here yesterday.

Investigations revealed that the bitcoin syndicate had been active since the beginning of last year, causing TNB to suffer RM8.6mil in losses due to electricity theft.

"The arrested suspects had acted as caretakers of the premises. We are still looking for others involved in the operation, including the syndicate's mastermind."

"There is also a possibility that this syndicate has links with other similar syndicates operating in other states," said Comm Ayob.

He noted that Johor TNB had suffered losses of about RM90mil in 2020 alone due to electricity theft linked to bitcoin mining.

The latest case is being investigated under Section 379/427 of the Penal Code for electricity theft and

causing mischief to TNB's properties.

In an unrelated matter, Comm Ayob said 622 people from the Johor police contingent had been placed under quarantine since March last year due to Covid-19.

Of that number, 318 of them had tested positive while the rest were close contacts.

"To date, a total of 318 individuals from the Johor police and their family members have tested positive for Covid-19.

"This included 26 officers and 158 personnel, 23 civil servants and 111 of their family members," he said.

He said 304 close contacts of positive patients were also quarantined during the same period.

This included 56 officers and 152 personnel, 47 civil servants and 49 of their family members.



Incriminating evidence: Comm Ayob showing some of the seized items during a press conference at the Pasir Gudang police headquarters.

